



**WAKAF  
KOLEJ KEDIAMAN  
MAWADDAH**



(<http://mygift.ump.edu.my/index.php/ms/wakaf-kolej-kediaman>)



GENERAL (/INDEX.PHP/GENERAL)

## Dr. Rashidi Abbas kupas buku dalam Program Sharing@BookCafe

19 April 2019 / 0 Comments (/index.php/general/dr-rashidi-abbas-kupas-buku-dalam-program-sharingbookcafe/#comments)

Pekan, 18 April- Penerima Anugerah Buku Negara 2019 bagi buku umum dalam kategori pendidikan, iaitu Dr. Rashidi Abbas yang merupakan Pensyarah Kanan, Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) berkongsi pengalaman menerusi kupasan buku beliau bertajuk "Pendidikan Tahfiz dan Kemahiran Insaniah" dalam Program Sharing@BookCafe (mailto:Sharing@BookCafe) anjuran Perpustakaan baru-baru ini.

Dengan slogan "With Knowledge We Lead" program ini telah ditransformasikan pihak Perpustakaan UMP sebagai menyokong Kempen Dekad Membaca Kebangsaan 2021-2030 seiring dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memperkasa aktiviti membaca dalam kalangan masyarakat.

Menurut Pemangku Ketua Pustakawan, Dzull Zabarrood Ahmad berkata, program Sharing@BookCafe (mailto:Sharing@BookCafe) ini adalah sebagai salah satu inisiatif bagi menggerakkan aktiviti galakan membaca dalam kalangan warga UMP.

“Sesi berlangsung selama sejam ini membawa konsep santai dan selesa bagi menarik minat pengguna perpustakaan dan warga UMP mengikuti aktiviti pengisian ilmiah dan informatif,” katanya. Beliau mengharapkan semoga lebih ramai penyelidik dan penulis yang prolifik dan hebat boleh diketengahkan untuk berkongsi ilmu hasil kajian dan pengalaman mereka.

Dalam program ini Dr. Rashidi Abbas menceritakan kombinasi antara minat menulis dan sasaran pencapaian jabatan menyebabkan terhasilnya buku ini. Intipati buku tersebut berkisarkan perkembangan pendidikan tahfiz masa kini dengan penerapan tujuh elemen kemahiran insaniah iaitu kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, etika dan moral profesional, kemahiran kepimpinan, kerja berpasukan serta budaya keusahawanan.

Program Sharing@BookCafe (mailto:Sharing@BookCafe) ini juga mampu menyemai minat dan mendorong warga UMP khususnya untuk menanam minat membaca dan menjadikan amalan membaca sebagai gaya hidup. Program akan diteruskan pada minggu hadapan (23 April 2019) di Perpustakaan UMP, Kampus Gambang bersempena dengan Program Jom Baca Untuk 10 minit.

Disediakan oleh Noorul Farina Arifin daripada Perpustakaan UMP